

BAB 3 KOSTUM MELAYU PANTAI TIMUR

3.1 Rupa Bentuk Pakaian Tradisi

3.1.1 Perkembangan

Kostum Melayu Pantai Timur mempunyai sejarahnya yang tersendiri di mana perkembangannya dapat dilihat dari persuratan lama yang menyebut tentang pakaian. Penjajahan kerajaan Sriwijaya serta Siam turut meninggalkan kesan dalam kehidupan harian termasuklah cara berpakaian. Pakaian memainkan peranan yang penting dalam kehidupan harian Masyarakat Melayu Pantai Timur, yang memperjelaskan milik atau status kedudukan seseorang. Peristiwa Cindai di negeri Kelantan mampu mengubah kerajaan Kelantan di mana pakaian memainkan peranan dalam menentukan pemiliknya.

Penerimaan Islam oleh Masyarakat Melayu Pantai Timur membawa satu lagi perubahan pada corak pemakaian orang-orang Melayu khususnya di zaman Tengku Long Mansor (1896 – 1900) yang telah mengadakan undang-undang baru supaya rakyat jelata memakai pakaian yang lebih sopan dan menutup aurat. Sebagai seorang Sultan yang terkenal warak dan sentiasa mendampingi alim ulama, Tengku Long Mansor telah mengeluarkan perintah agar kaum lelaki memakai baju teluk belanga, berseluar dan berkain sarung di luar atau baju teluk belanga dengan kain sarung sahaja. Manakala bagi wanita tidak dibenarkan lagi memakai kain berkemban (seperti wanita Bali) tetapi digantikan dengan baju kurung atau kebaya, berkain sarung dan berkain labuh. Bagi menjalankan undang-undang ini,

baginda telah mengarahkan pegawai-pegawaiannya berjaga di jalan-jalan raya untuk memastikan peraturan ini dipatuhi. Sekiranya masih ada yang tidak memakai baju, badannya akan dicalit dengan cat hitam.

Pada peringkat awal cara pemakaian golongan kaya dan rakyat jelata adalah sama dari segi reka bentuknya. Namun jenis kain yang digunakan agak berbeza dan juga ragam hiasnya. Golongan berada khususnya kerabat istana memakai pakaian dari tenunan sutera yang mahal dan ditambah dengan ragam hias yang menarik. Syed Ahmad Jamal (1979), memetik gambaran yang pernah diberikan oleh Sir Frank Swettenham mengenai pakaian seorang lelaki di Terengganu.

‘Seyyid itu memakai baju berwarna merah Melayu yang tidak berkilat tetapi terkaya dengan warna yang luar biasa yang bersulam benang emas dengan corak yang menerupai roda-roda kereta yang kecil bunga kecupu. Seluarnya sutera warna hitam legam bersulam benang perak dengan corak yang menarik sepanjang lapan belas inci pada kakinya... Kain sarungnya terlalu indah, hasil tenunan Terengganu yang termasyur dan terbaik sekali. Warna-warnanya yang bercahaya lembut ialah ungu dan hijau yang dibaurkan dengan bijaknya, digariskan dengan cahaya lembut benang emas; warna merah Melayu yang lebar dan panjang, gemerlap dengan dengan emas merintangi lipatan yang gelap, dengan pancaran-pancaran cahaya lebat’.

(hlm. 79)

Kenyataan di atas selain dari menggambarkan kedudukan status pemakai, juga menunjukkan masyarakat Melayu pada masa itu khususnya golongan yang

berkemampuan sudah bijak dalam memilih pakaian dan mempunyai citarasa yang tinggi.

3.1.2 Pakaian Harian

Pada asasnya pakaian harian lelaki dan wanita Pantai Timur sangat ringkas. Rakyat biasa pakaiannya adalah sama sahaja tanpa mengira musim, di rumah atau keluar rumah atau bekerja sebagaimana yang dicatatkan oleh Graham (1908), :

'wet or fine, his costume is the same. He has no boots to be spoilt by mud, and no coat to be injured by rain; with shirts and collars he is unacquainted...'

(hlm. 22-23)

Pakaian lelaki terdiri dari empat jenis kain yang tidak berjahit yang dikenali dengan kain punca potong, bengkung, kain bersebar dan semutal seperti dalam plat 22. Manakala pakaian perempuan pula terdiri dari tiga jenis iaitu kain sarung punca potong, kain kemban dan kain kelubung sebagaimana yang terdapat dalam plat 23. Di peringkat awal tiada perbezaan yang ketara dari segi reka bentuk antara rakyat biasa dan golongan bangsawan. Abdullah Munshi (1966), memberi gambaran tentang pakaian seorang anak raja di Kelantan;

'Kemudian, maka bertemu lah pula sahaya dengan seorang muda hitam manis dan rambutnya panjang, tiada berbaju dan dipakainya satu kain selendang; dibuatnya kain sampai di atas lututnya. Maka suatu keris di pinggangnya

maka kata anak Sayid Abu itu kepada sahaya, “Ini suatu anak raja besar juga, adik raja yang kita pergi ke rumahnya tadi”.

(hlm 81)

Sebaliknya perbezaan jelas dapat dilihat selepas abad ke 19 dari segi jenis kain yang digunakan serta ragam hias dan warna sebagaimana terdapat larangan terhadap rakyat biasa.

Meskipun pakaian harian masyarakat Melayu Pantai Timur adalah ringkas tetapi mereka tidak membelakangkan adat di mana mereka akan berpakaian lengkap apabila menghadiri sesuatu majlis keramaian ataupun majlis racmi. Plat 24 menunjukkan kaum lelaki Kelantan memakai pakaian yang lengkap semasa menghadiri majlis pertunangan. Manakala plat 25a, 25b dan 25c pula menunjukkan pakaian racmi yang dipakai oleh wakil-wakil pembesar di majlis racmi. Meskipun berlainan status, cara pemakaiannya adalah hampir sama, yang membezakannya ialah jenis kain yang digunakan, hiasan serta motif. Lazimnya golongan bangsawan mengenakan baju luar iaitu baju mengan dan bertengkolok. Jenis fabrik yang digunakan adalah dari sutera, besulam atau sutera songket. Hanya sultan dan sultanaah dan laksamana sahaja yang memakai jaket bertulis ayat suci. Manakala kaum wanita pula mengenakan kebaya sedondong atau dikenakan bersama batik sarung seperti dalam plat 25d.



Plat 22 Pakaian Awal Lelaki




Plat 23 Pakaian Awal Perempuan



Plat 24 Pakaian Rakyat Biasa Ketika Menghadiri Majlis Rasmi




Plat 25a Pakaian Bangsawan



Plat 25b Pakaian Rasmi



Plat 25c Pakaian Raja



Plat 25d Pakaian Wanita Atasan

3.1.3 Pakaian Pahlawan

3.1.3.1 Hulubalang

Dalam masyarakat Melayu Pantai Timur sebelum abad ke 20, hulubalang hulubalang Melayu serta panglima mempunyai kedudukan yang istimewa. Sering mendapat pemberian atau anugerah dari Sultan apabila berjasa kepada istana ataupun negeri. Kebiasaanannya diberikan anugerah yang paling berharga iaitu berupa persalinan iaitu pakaian. Persalinan ini diberikan mengikut jasa, kedudukan seseorang. Jenis pakaian atau cara pakai kadang-kadang bergantung pada raja yang memerintah. Pada masa dahulu setiap helai pakaian hulubalang atau pahlawan tersebut menampilkan fungsi serta maknanya tersendiri. Warna, corak, hiasan, cara pemakaianya mempunyai maksud disebaliknya yang sering didapati dalam persuratan Melayu lama.

Pakaian hulubalang Melayu terdiri dari lima persalinan iaitu baju, seluar, tengkolok, sampin dan bengkung. Baju yang dipakai ialah baju Melayu atau baju yang ringkas, longgar, lurus, berwarna hitam berleher bentuk ‘V’ diikat di rusuk kiri dan kanan. Kemudian mereka memakai baju tiga butang atau nama lainnya baju cap bunga yang kini lebih dikenali dengan baju pagoda. Baju ini berwarna putih diperbuat dari kain kapas, berlengan pendek dan berleher bulat yang dipercayai dibawa dari Cina. Manakala seluarnya lurus dan longgar berukuran tiga suku (di bawah paras lutut) dengan potongannya lebih kurang sama dengan seluar Aceh. Menurut J.R. Logan (1849:276) : ‘*A less common sluar is one which reaches to the ankle, sluar gadoh, much worn by the Malays of*

Singapore or Orang Silat, (it is wide at the feet)'. Dijerut di bahagian pinggang atau dipakai dengan cara mengilasnya. Mempunyai kekek dan berwarna hitam seperti dalam plat 26 a, 26 b dan 26 c. Oleh kerana warnanya semuanya berwarna hitam, apabila ahli silat berkumpul sering diibaratkan bak gagak sekawan sebagaimana yang disuratkan dalam Hikayat Melayu.

3.1.3.2 Panglima atau Lakcmana

Pada masa dahulu pakaian menentukan kedudukan atau jawatan seseorang itu, manakala kedudukan pahlawan atau panglima amat tinggi di sisi masyarakat. Oleh yang demikian panglima juga mempunyai pakaian kebesarannya yang terdiri dari lima persalinan disusuli oleh hulubalangnya. Pakaian silat juga terdiri dari lima persalinan iaitu seluar, baju, sampin tengkolok dan bengkung. Kebiasaannya berwarna hitam dan diperbuat dari kain kapas berbanding dengan panglima yang menggunakan kain yang lebih elok seperti sutera. Reka bentuknya begitu ringkas, iaitu lurus dan longgar hingga ke paras punggung. Berlengan hingga ke paras siku dengan leher bentuk 'v' atau bulat sahaja. Baju dipakai dengan seluar dengan ikatan sampin serta bengkung. Seluarnya juga longgar dan lurus kebawah supaya selesa pergerakannya. Pola seluar Aceh dengan labuhnya di bawah sedikit paras lutut serta berpanel-panel. Di waktu berperang atau keluar rumah, bengkung dipakai dan diikat di pinggang untuk diselitkan senjata iaitu keris. Manakala sampinnya terdiri dari kain punca potong yang diikat di pinggang dengan satu lilitan bertindan di bahagian depan dan dibiarkan bahagian puncanya berjuntai kebawah. Kemudian dililitkan sekali lagi dengan bengkung bagi menguatkan

kedudukan sampin. Persalinan Panglima Melayu tidak lengkap tanpa hiasan kepala. Mereka memakai tengkolok atau setangan bagi yang berpangkat. Setangan ini biasanya diperbuat dari batik berbentuk empat segi sama seperti destar dan tengkolok yang diperbuat dari songket. Manakala hulubalang biasa memakai semutar atau kain ikat kepala. Berbagai nama diberikan kepada cara pemakaian setangan serta tengkolok dan yang paling popular ialah setangan gentam pekasam.

Panglima mengenakan persalinan yang hampir sama siluetnya dengan hulubalang. Namun yang membezakannya penggunaan jaket luarnya samada berlengan seperti baju mangan atau tanpa lengan. Begitu juga dengan jenis kain tenunannya diperbuat daripada sutera dan bercorak atau bersulam sebagaimana yang ditampilkan dalam plat 27a. Panglima atau lakcmana Melayu telah memakai jaket luar yang bertulis ayat-ayat suci Al Quran.

Mereka mengenakan jaket bertulis ayat-ayat suci terutamanya di medan perang kerana dipercayai dapat memberi kekebalan dan sebagai pendinding kepada pemakai (rujuk plat 27b). Antara ayat-ayat suci yang sering terdapat pada jaket ini ialah dari kalimah-kalimah Allah s.w.t, nama-nama Malaikat, nama-nama Rasul, Nabi serta Khalifah-khalifah Islam. Ayat-ayat ini samada disulam dengan benang emas atau songket, dicop serta ditulis tangan khususnya di bahagian badan. Menurut Encik Abdulah⁵, di antara ayat suci yang paling popular ialah kalimah syahadah iaitu ‘Lailaha illallah’ serta surah ‘Al falaq’ yang biasanya terdapat pada jaket kiswah dan diukir pada senjata khususnya keris yang dipercayai mempunyai maksud atau hikmahnya yang tertentu.

Selain dari itu panglima juga memakai kain cindai sebagai bengkung sewaktu di medan perang. Kain cindai dianggap dapat memberi semangat serta pendinding yang dibelit-belitkan pada pinggang dan dibiarkan hujungnya berjuntai kebawah lutut seperti dalam plat 28.



Plat 26a Pakaian Silat Berseluar Panjang



Plat 26b Pakaian Silat Berseluar Aceh




(Gambar)

Plat 26c Pakaian Silat Berseluar Panjang dan Berbaju Putih Biasa



Plat 27a Pakaian Panglima



Plat 27b Jaket Kiswah (Bersurat)



Plat 28 Laksmana Berbengkung Cindai

3.1.4 Pakaian Penari dan Taridera

3.1.4.1 Tarian Asyik

Tarian asyik dicipta oleh satu kumpulan seniman di Kampung Serendah Sekebun Bunga di Kelantan yang bertujuan untuk hiburan kepada raja-raja Melayu pada masa dahulu. Penari-penarinya terdiri daripada anak-anak gadis yang dipilih dan dilatih samada berdarah raja atau pun dari kalangan rakyat biasa. Penari ini diajar cara-cara mengadap raja dan adat istiadat diraja yang lain serta dijaga dengan baik. Pada mulanya tarian ini hanya ditarikan dengan tiga orang penari yang penting iaitu penari utama yang dipanggil ‘penari asyik’ dan diiringi dengan dua orang lagi di sebelah kiri dan kanan yang dikenali dengan puteri Inai dan Puteri Sasang. Kedua-dua penari ini memakai pakaian yang sama dengan penari utama, iaitu berkain kemban, memakai sarung serta selendang yang diselitkan pada bahagian dada kain kemban. Diikat dengan pending di pinggangnya, manakala penari utama memakai mahkota seperti yang dalam plat 29a dan pakaian penari pembantu dalam plat 29b.

3.1.4.2 Ulik Mayang

Pada asasnya tarian ini merupakan tarian yang sangat popular di negeri Terengganu. Penari-penari Ulik Mayang lebih dikenali sebagai Puteri Tujuh yang dipercayai terpengaruh dengan Siam dengan sedikit pengaruh Hindu. Kostum asalnya hanya memakai ‘*Tunic*’ dalam yang dipanggil dodok dan sehelai kain selendang panjang untuk melindungi bahagian tubuh atas iaitu dari bahu manakala labuh bajunya

hanya setakat bawah punggung sedikit. Kemudian bajunya diubah daripada tiada berlengan kepada berlengan sehingga ke paras siku. Bajunya dilabuhkan sedikit serta diubahsuai kerana cara pemakaian dititikberatkan kesopanan seseorang anak gadis yang akan menarikan tarian tersebut.

Ciri-ciri pakaian Puteri Tujuh ini juga dikatakan mempunyai persamaan dengan kostum penari gamelan. Aksesorinya ditambah pada bahu iaitu dikenali sebagai teratai yang diletakkan pada bahagian ‘*border*’ bawah untuk menambahkan seri pakaian tersebut. Pending dan bengkung dipakaikan kepinggang penari untuk mengikat selendang. Manakala hiasan kepalanya dikenakan ‘gerak gempa’ dengan ‘gandik dalam’. Pada lehernya dipakaikan ‘gayut tenguk’. Selain itu penari juga memakai sanggul dan aksesori lain untuk mencantikkan pergerakan kepala. Rambut palsu yang panjang dipakai untuk menampakkan kejelitaan seorang gadis. Jenis kain yang digunakan sejak turun temurun ialah dari kain tenun biasa dan juga songket. Meskipun pakaianya mempunyai pengaruh luar, namun sifat-sifat kesopanan juga terserlah pada pakaianya yang tidak mendedahkan.

3.1.4.3 Gamelan

Tarian ini dipercayai telah wujud di istana Riau Lingga semenjak abad ke 17 lagi yang dipentaskan di istana untuk hiburan raja. Tarian ini dipersembahkan oleh gadis-gadis remaja dan ditarikan di atas permaidani. Arah dan pergerakan tarian menghala ke sultan dan kerabat-kerabatnya, manakala pembesar-pembesar yang lain duduk dikiri dan kanan. Persembahannya mempamirkan pergerakan yang lembut gemalai dan dikenakan pakaian yang indah-indah.

Sepanjang tarian terdapat dua jenis pakaian yang digunakan iaitu untuk korus dan satu lagi untuk watak utama. Penari utama memakai kain kemban, berpending emas, empat helai selendang, rantai leher, gelang di lengan kanan, sepasang subang dan selendang di bahu kiri serta memakai sarung songket. Sehelai selendang disangkutkan pada pending dan dibiarkan berjuntai kebawah. Dibahagian dada ditutup dengan ‘elau’ dan dipakai hiasan kepala. Para penari korus gamelan pula memakai baju lengan pendek yang menggunakan fabrik sutera dan bersarung songket. Pending tembaga menghiasi pinggang dan dua helai selendang digantung pada pending ini. Hiasan kepala ‘gerak gempa’ dipakai oleh penari korus dan penari utama dengan hiasan ‘Tajuk Asoka’ menegak diatasnya yang dihiasi bunga-bunga emas (semasa persembahan di istana dahulu digunakan emas tulin). Di bahagian bawah disangkut dengan ‘gendir emas’ dengan dua kuntum bunga kain yang menonjol keluar dari sisi gendir ini menutup teling. Di bahagian leher dipakai ‘choker’. Apabila berkemban diharamkan, penari-penari memakai baju hingga ke paras punggung tetapi masih mengekalkan bahagian-bahagian yang lain serta cara pemakaianya yang ditunjukkan dalam plat 30a dan 30b. Warna tradisi pakaian gamelan pada masa dahulu ialah baju berwarna merah jambu, bersarung biru muda dengan selendang perang. Namun demikian kini rupa bentuknya telah mengalami beberapa perubahan.

3.1.4.4 Mak Yong

Mak Yong merupakan sejenis taridera Melayu purbakala yang dipercayai berasal dari negeri Khemer yang dibawa masuk ke Istana Melayu Pantai Timur pada

kurun ke 13. Pada asalnya dipersembahkan untuk hiburan raja sahaja namun ia berkembang menjadi hiburan rakyat. Antara watak-watak yang terdapat dalam taridera ini ialah Pak Yong, Mak Yong, inang, tukang lawak (peran) dan budak suruhan istana yang mempunyai kostumnya yang berlainan.

Pakaianya pada asalnya terdiri dari kain tenun biasa berwarna hitam. Kemudian sedikit-demi sedikit mengalami perubahan dari segi penggunaan fabrik bagi menyerlahkan lagi wataknya. Pak Yong memakai seluar, baju, sampin, bengkung, semutar dan juga sibai. Manakala Mak Yong pula memakai seperti puteri Perak iaitu berbaju lengan pendek, berseluar panjang yang lebar, bersampin dan berbengkung atau berpending. Dihiasi dengan ‘elau’ dan mahkota (*head gear*).

Manakala inang-inang, pada mulanya berkemban dan berpending, kemudianya diubah memakai kebaya labuh dan kain sarung serta berselendang yang diikat dengan pending di bahagian depan. Manakala peran tua dan muda memakai pakaian biasa saja iaitu seluar dan baju dengan kain batik melilit kepala. Di antara pakaian taridera Mak Yong ditunjukkan dalam plat 31.

3.1.4.5 Menora

Selain dari mak yong, terdapat satu lagi bentuk hiburan taridera Melayu yang semakin dilupai iaitu manora. Menora tidak banyak beza dengan Mak Yong dari segi penggunaan alat muzik dan jalan cerita, cuma yang berlainan sedikit ialah dari aspek pakaian dan corak persembahannya. Pada asalnya ia merupakan sebuah taridera Siam yang sangat popular di selatan Siam dan ditempiaskan ke

Negeri Kelantan yang disampaikan dalam loghat Kelantan bercampur Siam. Cuma yang uniknya persembahan menora ini adalah terletak pada pakaiannya serta para pelakunya yang terdiri dari kaum lelaki meskipun terdapat watak perempuan di dalamnya. Perbezaan watak ini hanya dapat dilihat melalui pakaian dan perhiasan yang mana watak perempuan dilakonkan oleh lelaki yang berpakaian seperti perempuan dan berambut panjang dengan kuku yang panjang.

Watak utamanya dikenali dengan nama Pak Si Tong yang memakai pakaian yang menyerupai raja-raja Thai ataupun Kemboja kerana jalan ceritanya berkisar pada kisah-kisah kehidupan raja (rujuk plat 32a). Watak utama ini memakai mahkota yang tinggi di kepala yang dikenali dengan ‘kecopong’ (lihat plat 32b), subang kaca, tidak memakai baju sebaliknya memakai manik-manik yang disulam dan disilangkan (sibadayang) seperti pola baju dengan hujungnya digantung dengan pong-pong. Di bahagian pinggang diletakkan ‘sayap sandang’ atau ‘kinnaree’ (seperti bentuk perahu) di kedua-dua belah sisi menghala kebelakang (lihat plat 32c), memakai kain cawat dan seluar panjang beserta tiga per empat erta kuku yang diperbuat dari tembaga.

Manakala inang-inangnya memakai baju seperti baju Thai yang bersayap di kedua-dua hujung bahu, berkemban, memakai sarung seperti pakaian Cik Siti Wan Kemban serta dikenakan mahkota. Jika tidak berbaju, diletakkan selendang merentangi bahagian dada di atas kain kemban, memakai sarung, berpending, juga memakai elau dan cucuk sanggul. Mengikut Encik Ehcom⁶ para pelakon perlu tahu tahu adat serta pantang larang yang diamalkan sejak turun temurun. Sebagai contohnya, mahkota yang dipakai oleh pelakon tidak boleh dibuka kecuali selepas tamat

persembahan, jikalau sesiapa yang melanggar pantang larang tersebut akan muntah cirit. Begitu juga dengan bentuk persesembahannya dijaga perilaku di mana setiap kali selesai tarian, penari-penari manora akan duduk di atas kerusi supaya pakaian mereka tidak berkedut dan kemasan diri perlu dijaga.



Plat 29a Pakaian Penari Utama



Plat 29b Pakaian Penari Pembantu Tarian Asyik



Plat 30a Pakaian Penari Utama Gamelan



Plat 30b Pakaian penari Pembantu



Plat 31 Watak-watak Taridera Mak Yong



Plat 32a Pakaian Raja



Plat 32b Kecopong



Plat 32c Kinnaree

3.1.5 Pakaian Semasa Lapang/Bermain

Negeri Kelantan amat terkenal dengan berbagai bentuk permainan tradisional bagi mengisi masa lapang khususnya bagi golongan lelaki. Antara permainan yang biasa didapati ialah sepak raga, wau, menyabong ayam atau lembu, rebana, kertok dan selampet. Kebanyakan permainan ini samada di luar rumah atau di dalam rumah, mereka sentiasa memakai pakaian lengkap di waktu menghadiri permainan tersebut. Meskipun bentuk permainannya berlainan namun cara pemakaiaannya adalah sama iaitu lima persalinan iaitu baju, seluar, sampin (sarung batik), semutar atau bengkung dengan kain batik lepas. Plat 33a, 33b, 33c, 33d dan 33e mempamirkan di antara rupa bentuk pakaian yang dikenakan sewaktu permainan atau pertunjukan diadakan.

3.2 Persalinan Melayu

3.2.1 Konsep Persalinan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, penggunaan istilah persalinan adalah dirujuk pada pakaian yang telah berlangsung sejak abad ke 15 lagi. Berdasarkan persuratan Melayu lama membuktikan sudah wujud satu sistem reka bentuk yang memaparkan tentang fungsi, bentuk dan unsur-unsur simbolis dalam pakaian. Kewujudan ini secara tidak langsung telah mencerminkan ciri-ciri kehidupan dan nilai budaya masyarakat Melayu pada masa dahulu. Antara ciri-ciri yang jelas adanya pantang larang dalam adat berpakaian. Malahan pakaian juga menjadi bahan yang memberi makna simbol dan keindahan.

Persalinan sering dikaitkan dengan adat istiadat kebesaran kerajaan yang biasanya dianugerahkan dari sultan kepada pembesar atau rakyat yang berjasa kepada negeri atau istana. Kedudukan seseorang dinilai berdasarkan pada jumlah pakaian yang dianugerahkan oleh raja. Persalinan pakaian ini disebut dengan istilah ‘ceper’ dalam teks Melayu; seceper, tiga ceper, empat ceper dan lima ceper. Apa yang dimaksudkan dengan seceper ialah pemberian sehelai kain biasanya sarung. Tiga ceper dirujuk kepada baju, seluar dan tengkolok dan empat ceper pula adalah seluar, baju, tengkolok serta sebai. Manakala lima ceper pula terdiri terdiri dari baju, seluar, sampin, bengkung atau ikat pinggang dan tengkolok. Biasanya raja menganugerahkan tiga ceper persalinan kepada bentara, sida-sida dan hulubalang yang berjasa pada istana yang mana membawa maksudnya tersendiri. Manakala empat ceper dianugerahkan kepada anak-anak raja serta menteri-menteri.

3.2 Persalinan Melayu

3.2.1 Konsep Persalinan

Dalam masyarakat Melayu tradisi, penggunaan istilah persalinan adalah dirujuk pada pakaian yang telah berlangsung sejak abad ke 15 lagi. Berdasarkan persuratan Melayu lama membuktikan sudah wujud satu sistem reka bentuk yang memaparkan tentang fungsi, bentuk dan unsur-unsur simbolis dalam pakaian. Kewujudan ini secara tidak langsung telah mencerminkan ciri-ciri kehidupan dan nilai budaya masyarakat Melayu pada masa dahulu. Antara ciri-ciri yang jelas adanya pantang larang dalam adat berpakaian. Malahan pakaian juga menjadi bahan yang memberi makna simbol dan keindahan.

Persalinan sering dikaitkan dengan adat istiadat kebesaran kerajaan yang biasanya dianugerahkan dari sultan kepada pembesar atau rakyat yang berjasa kepada negeri atau istana. Kedudukan seseorang dinilai berdasarkan pada jumlah pakaian yang dianugerahkan oleh raja. Persalinan pakaian ini disebut dengan istilah ‘ceper’ dalam teks Melayu; seceper, tiga ceper, empat ceper dan lima ceper. Apa yang dimaksudkan dengan seceper ialah pemberian sehelai kain biasanya sarung. Tiga ceper dirujuk kepada baju, seluar dan tengkolok dan empat ceper pula adalah seluar, baju, tengkolok serta sebai. Manakala lima ceper pula terdiri terdiri dari baju, seluar, sampin, bengkung atau ikat pinggang dan tengkolok. Biasanya raja menganugerahkan tiga ceper persalinan kepada bentara, sida-sida dan hulubalang yang berjasa pada istana yang mana membawa maksudnya tersendiri. Manakala empat ceper dianugerahkan kepada anak-anak raja serta menteri-menteri.

Manakala lima ceper dianugerahkan kepada bendahara dan raja-raja yang kadang-kadang berserta alat-alat kerajaan (Siti Zainon,ibid).

Pemberian persalinan ini juga diamalkan dalam upacara adat yang lain, seperti adat perkahwinan, berkhataam majlis-majlis racmi diraja. Pengantin biasanya dihadiahkan dengan persalinan sebagai hantaran yang lengkap dengan alat-alat perhiasan.

3.2.2 Persalinan Lengkap

Persalinan lengkap atau selengkap pakaian dihubungkaitkan dengan perilaku seperti proses membuat, mengenakan pakaian, perhiasan dan senjata. Pakaian lengkap ini adalah kesinambungan konsep persalinan Cuma ditambah dengan dengan perhiasan dan alat-alat kelengkapan yang lain khususnya dipakai dalam upacara adat seperti pertabalan (rujuk plat 34a). Biasanya mengandungi lima ceper persalinan beserta dikenakan alat-alat perhiasan diri, alat-alat kebesaran serta senjata.

Di sebalik pemberian anugerah beberapa ceper, warna, cara pakai serta jenis kain yang digunakan turut memberi simbol makna kepada pemakai. Sebagai contohnya cara ikatan sampin serta lipatan tengkolok juga menentukan status pemakainya. Warna tidak kurang memberi makna seperti mana warna putih dan kuning merupakan warna raja iaitu putih untuk raja dan kuning untuk raja dan anak-anak raja. Warna ungu, merah, hijau untuk orang-orang besar serta sida-sida. Biru untuk bentara atau hulubalang dan hitam pula untuk orang bergelar.

3.2.3 Kostum Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang)

Kostum asal negeri-negeri Pantai Timur adalah lebih kurang sama dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu kecuali negeri Kelantan. Pakaian lelaki adalah lebih kurang sama di ketiga-tiga negeri di Pantai Timur tersebut iaitu terdiri dari lima persalinan. Sebaliknya pakaian wanita agak berlainan di antara ketiga-tiga buah negeri. Kostum wanita Kelantan agak ringkas yang terdiri dari tiga kepingan kain iaitu kain punca potong, selendang dan sarung seperti ditunjukkan dalam plat 34b. Kain punca potong dipakai sebagai kain kembang dengan kedua-dua puncanya dibiarkan berjuntai kebawah manakala selendang dipakai diatas bahu dan kedua-dua puncanya dibiarkan jatuh kebawah. Mengikut Encik Abdullah⁷, kain ini dipakai dua cara iaitu selendang ini diikat bersama pending (talipinggang) semasa berjalan dan apabila duduk atau mengadap raja ia dilepaskan. Sarungnya dipakai secara ombak beralun. Manakala persalinan wanita di Terengganu terkenal dengan baju kurung Turki dan Pahang pula dengan baju kurung Riau Pahang yang berbelah di hadapan dan dipakai bersama sarung seperti dalam plat 34c. Reka bentuk dan cara pemakaianya adalah sama di antara rakyat biasa dengan golongan bangsawan cuma yang membezakannya ialah jenis kain dan ragam hias, warna serta motifnya.



Plat 33a Bermain Kertok

Plat 33b Bermain Wau

Plat 33c Selampet



Plat 33d Bermain Wayang Kulit



Plat 33e Palu Gong



Plat 34a Persalinan Lengkap



Plat 34b Persalinan Cik Siti Wan Kembang



Plat 34c Persalinan Baju Melayu
Dan Baju Riau Pahang

3.3 Kategori Pakaian

3.3.1 Pakaian Tidak Berjahit (berbentuk kepingan)

3.3.1.1 Selendang Panjang

Selendang ini adalah sebidang kain empat persegi sama yang lebar dan tidak berjahit. Terdapat kemasan kelim pada kedua-dua belah hujungnya dengan jahitan sembat yang halus. Kadang-kadang di kedua-dua hujungnya dibuat rambu-rambu berjuntai atau dijahit dengan kepingan-kepingan emas. Biasanya panjang satu-satu selendang berukuran lebih kurang 120 cm lebar dengan 270 cm panjang. Selendang ini diperbuat dari hasil tenunan benang-benang sutera yang berwarna-warni ataupun dari tenunan songket. Plat 35a dan 35b menunjukkan dua jenis selendang panjang. Selendang songket biasanya dipenuhi dengan benang emas teluk berantai atau bertabur yang digunakan oleh wanita-wanita istana sahaja. Ada juga diperbuat dari proses ikat celup menghasilkan selendang pelangi, limar dan cindai atau dicop seperti batik lepas. Sebagaimana sarung, selendang juga mempunyai bahagian badan, kepala atau punca dan kaki kain seperti dalam ilustrasi 2. Cuma yang membezakannya kepala kain terletak di kedua-dua hujung selendang tersebut. Hiasan motifnya memenuhi bahagian kepala khususnya motif pucuk rebung. Terdapat berbagai gaya memakainya seperti dalam ilustrasi 3.

3.3.1.2 Selendang Biasa/pendek

Reka bentuknya rengkas dengan ukuran yang lebih kecil. Selendang ini biasanya untuk persalinan lengkap khususnya dipakai untuk upacara-upacara tertentu. Ukurannya lebar lebih kecil dan lebih pendek. Warna dan reka corak motif adalah sama dengan persalinan baju dan sarung yang ditenun. Motifnya lebih besar dari motif pada selendang panjang dengan susunan bertabur seperti yang ditunjukkan dalam plat 35c. Di bahagian hujungnya diletakkan hiasan rambu-rambu dan dipakai dengan cara diselempangkan di bahu. Selain dari itu selendang ini juga didapati dari tenunan sutera yang benangnya diikat celup terlebih dahulu ataupun tidak bercorak tetapi dihiasi dengan sulaman kelengkang. Di antara selendang-selendang tersebut adalah seperti selendang pelangi (lihat plat 35d).

3.3.1.3 Kain Punca Potong

Kain Punca Potong merupakan pakaian awal lelaki dan wanita di Pantai Timur khususnya di Negeri Kelantan. Kain ini berukuran 70 cm x 190 cm dan kebanyakannya diperbuat daripada benang sutera atau kapas. Kain Punca Potong terdapat dalam berbagai jenis, antaranya dari tenunan biasa kapas tanpa corak (plain) yang dipakai oleh rakyat biasa, tenunan limar bercorak samada berpetak atau corak bunga-bungaan (rujuk plat 36). Kain punca potong tidak diperbuat daripada songket kerana benang emas atau perak tidak sesuai dipakai secara ikat ketat dan melekat pada badan. Kaum lelaki memakainya dengan cara melilitkannya pada pinggang dan dibiarkan berjuntai ke bawah lutut. Diperkemaskan dengan menggulung bahagian atas (mengilas) sehingga bertungkul dan membujur di

bahagian perut. Manakala kaum perempuan memakainya dengan cara berkemban di mana kedua-dua hujungnya (bahagian badan kain) diikat pada bahagian tengah dada melalui bawah ketiak dengan kedua-dua kepala kain dibiarkan berjuntai di depan.

3.3.1.4 Kain Panjang Sembilan

3.3.1.4.1 Rupa Bentuk

Kain panjang sembilan adalah lebih kurang sama dengan kain selendang panjang, Cuma yang bezanya adalah dari segi saiznya (120 cm lebar dengan 4 hasta panjang kira-kira 400 cm). Diperbuat dengan tenunan sutera, bersongket dalam bentuk songket penuh atau limar songket seperti dalam plat 37. Ianya dipakai oleh golongan istana untuk upacara tertentu khususnya perkahwinan. Ianya tidak lagi dipakai sekarang malah sukar ubtuk ditemui lagi. Ragam hiasnya ditambah dengan kepingan emas yang digantung di sepanjang hujung kain.

3.3.1.4.2 Cara Pakai

Kain panjang sembilan didapati dipakai dalam dua cara. Pertama, seperti kain sarung yang dipanggil kain lepas dengan melilitnya ke pinggang dengan kepala puncanya terletak di bahagian hadapan. Kemudiannya diikat dengan pending yang biasanya dipakai dengan baju. Meskipun reka bentuknya ringkas, namun memerlukan kepakaran (tahu mengangak) kerana ia memerlukan kepekaan dalam menentukan kedudukan bahagian-bahagian kain, letak dan jatuh corak motif, keselesaan serta

tidak menghalang pergerakan. Nilai-nilai kesopanan perlu dijaga supaya indah dipandang, tidak bertentangan dengan adat-adat dan agama sebagaimana sering dibayangkan dalam pantun Melayu lama.

'Kalau pandai berkain panjang,
Lebih daripada kain sarung,
Jika pandai memakainya,
Kalau pandai berinduk semang,
Lebih umpama bonda kandung,
Jika pandai membawanya'.

Cara yang keduanya ialah dengan menyusun lipatan (*pleated*) di sebelah punca kain lebih kurang 15 cm dan dijuntaikan di bahu kanan. Kemudian badan dan punca yang sebahagian lagi dibawa ke hadapan melalui celah kelengkang dililit di pinggang (rusuk kiri) ke belakang satu pusingan. Kemudian dibahagian punca diletakkan di bahagian hadapan dan dibuat lipatan seperti ombak mengalun yang tidak melebihi dua lipatan. Encik Ayob⁸ menjelaskan pada realitinya memang tidak sesuai jika dilipat banyak kerana ini akan menghilangkan punca kain yang dipenuhi dengan songket yang sememangnya untuk menaikkan seri kain tersebut. Lampiran 2 menunjukkan cara-cara memakai kain panjang sembilan.

3.3.1.5 Bengkung

Bengkung merupakan kain pengikat pinggang yang dipakai bersama sampin. Kadang-kadang ia dipakai begitu saja dengan seluar panjang. Di Kelantan orang-


orang lelaki memakai kain punca potong sebagai bengkung dengan membiarkan kedua-dua hujung kain tersebut terjuntai kebawah. Fungsi kain bengkung ini adalah untuk menyelit keris atau mengendong barang selain dari menguatkan atau menyokong ikatan sampin. Bengkung yang diperbuat khas biasanya dari kain songket penuh berukuran 10 hingga 12 cm lebar dengan panjangnya tidak menentu mengikut tempahan atau cara mengikatnya. Kain tenun ini biasanya ditenun bersama dengan baju, seluar serta sampin kerana ia merupakan sebahagian dari persalinan lengkap lelaki. Oleh yang demikian warna, corak dan motifnya adalah sama, kadang-kadang diletakkan bersama hiasan yang digubah berbentuk riben atau bunga dari kain yang sama. Jika bengkung tersebut hendak dipakai secara berjuntai kedua-dua hujungnya, maka pada hujung bengkung itu disongketkan dengan motif-motif pucuk rebung serta berumbai-umbai hiasannya.

3.3.1.6 Tengkolok, Dastar, Setanjak atau Setangan


Tengkolok merupakan hiasan kepala yang masih dipakai sekarang khususnya untuk upacara-upacara tertentu. Pada zaman dahulu ianya dipakai oleh golongan tertentu sahaja seperti golongan istana, para pembesar dan pengantin lelaki dengan gaya lipatan tertentu. Tengkolok dikenali dengan berbagai nama seperti dastar atau setangan di Kelantan. Tengkolok diperbuat dari berbagai jenis kain khususnya dari kain songket, telepuk dan batik yang berbentuk empat segi sama. Untuk memakainya, tedapat beberapa perkara yang perlu diambil kira seperti cara melipatnya, corak atau motif atau lambangnya perlu terserlah. Biasanya lambang negeri atau pangkat dapat dipamerkan atau ditonjolkan dan tidak boleh dipakai sembarangan kerana cara lipatan menentukan pangkat seseorang itu.

3.3.1.7 Tetampan


Tetampan biasanya dipakai oleh pegawai istana dalam upacara tertentu seperti upaca adat pertabalan atau perkahwinan. Cara pemakaianya ialah dengan menyangkutkannya di atas bahu kiri dengan kedua-dua hujungnya dibiarkan berjuntai kebawah. Kain tetampan berbentuk empat persegi berukuran 21 in. x 6 in tenunan sutera berwarna kuning atau dari songket. Kadang-kadang disulam dengan benang emas atau ditekat bersuji emas dengan hujungnya digantung dengan kepingan-kepingan emas. Reka coraknya seumpama selendang mempunyai badan, punca dan tepi kain.



Plat 35a Selendang Panjang Songket



35b Selendang Panjang Pelangi




Ilustrasi 2 Rupa Bentuk Selendang Panjang




Ilustrasi 3 Gaya Pemakaian Selendang Panjang



Plat 35c Selendang Pendek Songket



Plat 35d Selendang Pendek Pelangi



Plat 36 Kain Punca Potong



Plat 37 Kain Panjang Sembilan

3.3.2 Pakaian Berjahit

Mempunyai pola, dari sekeping kain yang ditenun dipotong-potong mengikut reka bentuk yang dikehendaki.

3.3.2.1 Sarung

3.3.2.1.1 Definisi

Sarung disifatkan sebagai pakaian yang tertua dalam budaya Melayu yang mana ianya dipakai oleh segenap lapisan masyarakat lelaki dan wanita. Sejak zaman dahulu lagi ianya dipakai secara kemban dan juga secara bergombang yang masih didapati sehingga ke hari ini. Terdapat berbagai istilah digunakan di Wilayah Melayu namun pola atau cara pakainya adalah sama iaitu secara menyarung. Pada peringkat awal di Pantai Timur ianya tidak berjahit dan dipakai seperti pola kain sarung dengan melilit dan diikat di bahagian pinggang atau dada.

Di Kepulauan Melayu, sarung lebih popular dengan panggilan ‘kain’ sebagaimana yang sering didapati dalam persuratan lama disebut dengan ‘seceper kain’ yang bermaksud sehelai sarung. Sarung yang dimaksudkan lebih merujuk kepada sehelai kain yang berjahit di kedua-dua puncanya bersambung membentuk selinder. Kemasyhurannya telah meresap ke dalam perkataan Inggeris dengan istilah ‘sarong’ yang sering terdapat di dalam kamus-kamus serta ensiklopedia Inggeris.

A supplement to the Oxford English Dictionary (1982) mendefinisikan sarung sebagai :

"The Malay national garment, resembling a shirt, which consists of a long strip of (often striped or brightly – coloured) cloth worn round the waist and sometimes the chest by both sexes".

Berdasarkan huraian-huraian dalam kamus dan ensiklopedia yang ditemui ternyata bahawa konsep dan perkataan sarung telah lama wujud dan sering dikaitkan dengan orang-orang Malaya di Wilayah budaya Melayu.

3.3.2.1.2 Fungsi Sarung

Pada mulanya sarung lebih bersifat gunaan seperti untuk menutup badan dengan melilit atau mengikat pada badan. Kemudian berubah menjadi lebih daripada itu dengan berbagai fungsi dan cara pemakaian dalam budaya Melayu.

1. Sarung sebagai pakaian harian yang bertujuan untuk menutup anggota badan. Sarung digunakan sebagai pakaian dasar yang dipakai dengan baju oleh lelaki dan perempuan.
2. Sebagai pelengkap pakaian yang mempunyai fungsi-fungsi tertentu seperti berikut:-
 - i) Sebagai tudung untuk menutup kepala dari panas matahari, dipakai apabila keluar dari rumah.
 - ii) Kerudung untuk menutup aurat (wanita) apabila berjalan.

- iii) Berdagang luar, apabila keluar rumah bagi wanita Johor sebaliknya ia diikat di pinggang bagi wanita Pantai Timur apabila hendak keluar rumah.
 - iv) Selempang juga dipakai apabila keluar rumah oleh lelaki dan perempuan.
 - v) Sebagai sampin oleh orang-orang lelaki.
3. Kegunaan rumah tangga : Sarung sering digunakan dalam rumah tangga, di antaranya dibuat selimut, digunakan untuk mendodoi anak (buaian), mengendong bayi/barang dan amat sesuai digunakan oleh kanak-kanak lelaki yang bersunat.
4. Upacara adat : Pada masa dahulu sarung memainkan peranan penting dalam budaya Melayu. Ianya sering dikaitkan dengan pemberian yang sangat tinggi nilainya sesuai dengan konsep persalinan samada sebagai pemberian dari seorang sultan kepada seseorang yang telah berjasa atau bahan hantaran pertunangan atau perkahwinan mengikut kedudukan atau kemampuan seseorang. Malah lebih dari itu sarung juga dijadikan sebagai ‘pengeras’ atau peralatan jampi mentera (Jr Logan, 1847:321)

3.3.2.1.3 Rupa Bentuk

Sarung Melayu terdiri daripada sebidang kain lebar yang dicantumkan dengan jahitan di kedua-dua hujungnya. Ukuran panjangnya lebih kurang dua ela atau dua meter dengan kelebaran 42 inci. Dalam masyarakat Melayu lama terdapat 3 pola

bentuk utama selain dari bentuk biasa iaitu selerang, berkampuh dan bertokok seperti dalam ilustrasi 4. Kain sarung ini ditenun dengan benang kapas atau pun sutera dan tenunan songket. Terdapat berbagai jenis sarung di Pantai Timur seperti sarung songket, limar, batik cop, batik pelangi, bugis, bergerus, bertelepuk, bercorak dan kosong yang ditunjukkan dalam plat 38. Sarung Melayu Pantai Timur mempunyai ciri-cirinya tersendiri yang dapat membezakannya dengan sarung yang terdapat di sekitar Kepulauan Melayu yang berdekatan. Perbezaan yang nyata ialah dari segi rupa bentuknya yang terdiri dari kepala kain dan tepi kain. Terdapat perbezaan di antara reka bentuk sarung tenun dan sarung batik seperti dalam ilustrasi 5.

3.3.2.1.4 Cara Pakai

Sarung dipakai oleh wanita dan lelaki dalam bentuk yang sama dengan mengikatnya pada badan samada dari pinggang kebawah, tudung atau secara berkemban bagi wanita. Biasanya kaum wanita memakai kain sarung dengan baju kurung atau kebaya dengan mengikatnya dengan dua cara yang biasa ditemui iaitu ‘ikatan ombak mengalun’ dan ‘ikat kuncup’ atau ‘tindih kasih’. Ikatan ombak mengalun merupakan susunan lipatan-lipatan kecil yang ditindan ke atas badan yang dikumpulkan pada salah satu sisi pinggang samada rusuk kiri atau kanan kearah hadapan. Biasanya dilipat-lipat dengan menyelitkan susunan tersebut antara jari-jari (biasanya tiga hingga lima lipatan beralun). Bagi mengemaskan lipatan tersebut dan memastikan kain yang dipakai itu tidak terlucut, digunakan tali untuk mengikatnya yang biasanya dibuat dari perca-perca kain. Ikatan ini dipakai dengan baju kurung teluk belanga, kurung cekak musang atau baju Riau Pahang

dengan meletakkan kepala kain di bahagian belakang. Manakala ikat kuncup pula ialah dengan membuat satu lipatan yang ditindan kebahagian hadapan badan dengan kepala kain diletakkan dibahagian hadapan. Pada hujung lipatan kain diselitkan pada pinggang. Gaya ikatan ini biasanya dipakai dengan baju kebaya dan baju kurung pendek. Sarung juga digunakan untuk berkemban oleh wanita-wanita di Pantai Timur khususnya sebagai basahan. Cara pemakaian sama dengan ikat kuncup cuma di hujung lipatan depan itu disimpul dan diselit di tengah-tengah dada.

Sarung juga didapati dipakai dengan berbagai gaya yang mempunyai fungsi-fungsinya yang tertentu seperti yang di lampirkan dalam plat 39a, 39b, 39c, 39d, dan 39e. Antaranya ialah seperti :

- A) Gaya dagang luar – Sarung dipakaikan seperti sampin iaitu diikat di pinggang manakala bajunya didalam. Di Pantai Timur gaya ini dipakai dengan baju kebaya dan diikat di pinggang terutamanya untuk membuat kerja. Kepala kain biasanya diletakkan di belakang. Namun Di Johor ianya dipakai secara mengumpul disisi badan di rusuk kiri dan disauk pada tangan.
- B) Kerudung – iaitu sehelai kain diikat di bahagian kepala dan disarung menutup kepala serta badan cuma yang nampak hanya bahagian mata sahaja. Jenis kain yang digunakan biasanya yang berbidang besar dan labuh khususnya kain tenun biasa.
- C) Kain tudung – Biasanya kain sarung digunakan untuk menudung kepala yang bertujuan untuk melindung pemakai daripada cuaca panas. Biasanya digunakan


kain tenun biasa, Bugis, songket serta limar dengan kepala kain diletakkan di atas kepala.

- D) Sarung juga dipakai dengan gaya selempang di mana kain sarung dikedut menjadi gelungan dan diselempangkan di bahu dengan kepala kain diletakkan di hadapan badan.
- E) Sarung juga digunakan sebagai pelapik kepala untuk menjunjung barang atau tudung kepala ketika membuat kerja di luar rumah.


Ilustrasi 4 Rupa Bentuk Sarung

Sarung Bertongkah

Sarung Biasa




114cm




12cm

Sarung Selerang



208cm

Sarung Berkampuh



67cm

67cm


Jahitan menyambungkan
kedua-dua sarung selerang




Plat 38a Sarung Pelangi




Plat 38b Sarung Batik




Plat 38c Sarung Songket



Plat 38d Sarung limar



Plat 38e Sarung Limar Songket




Plat 38f Sarung Bugis




Plat 38g Sarung Tenunan Biasa

Ilustrasi 5 Reka bentuk Sarung

Reka Bentuk Sarung Tenunan




Reka Bentuk Sarung Batik



- a Badan Kain
- b Kepala Kain
- c Tepi Kain
- d Pengapit Kain
- e Tanah Kain



Plat 39a Berdagang Luar



Plat 32b Kerudung



Plat 39c Tudung



Plat 39d Selempang



Plat 39e Lapik Kepala

3.3.2.2 Sampin

Rupa bentuk sampin adalah sama dengan kain sarung cuma ianya lebih singkat. Namun pada masa dahulu sampin yang dipakai adalah sangat labuh hingga ke buku lali. Reka coraknya adalah sama dengan sarung iaitu mempunyai badan kepala dan tapi kain dengan corak motifnya lebih kurang sama dengan motif sarung. Kebanyakkan kain sampin diperbuat dari kain songket bercorak jalur atau berpetak-petak. Bagi rakyat biasa sampin diperbuat dari kain tenun biasa atau karat empat dari benang kapas atau mastuli. Sampin dipakai bersama baju Melayu atau pun baju mengan. Terdapat berbagai cara pemakaianya namun yang biasanya ia dipakai samada dibahagian dalam atau di luar baju Melayu. Di Pantai Timur lebih digemari memakainya dengan cara berdagang luar samada sedondong atau tidak dengan baju serta seluar yang dipakai.

3.3.2.3 Persalinan Lelaki

3.3.2.3.1 Baju Melayu

Kaum lelaki Pantai Timur juga memakai baju kurung teluk belanga iaitu baju Melayu atau lebih dikenali dengan ‘baju gumbang’ di Kelantan dan ‘baju jeyamu’ di Terengganu. Semenjak peraturan berpakaian diwajibkan oleh Tengku Long Mansor, baju Melayu menjadi pakaian racmi yang dipakai bersama seluar atau kain. Reka bentuknya adalah sama dengan baju kurung teluk belanga yang diperkenalkan oleh Almarhum Sultan Abu Bakar di Johor sekitar tahun 1800.

Reka bentuknya longgar, labuh, berlengan panjang serta lebar, lehernya bulat dan berbelah (slit) di bahagian hadapan lebih kurang 5 inci bagi membolehkan baju tersebut disarung. Bukaan leher ini ditutup dengan sebutir kancing. Seperti mana baju kurung perempuan, baju Melayu juga terdiri dari empat keping pesak, sepasang tangan, sepasang kekek dan berkocek. Baju Melayu biasanya labuh sehingga ke paras punggung dengan lapek leher yang lebar yang kemudiaanya dihiasi dengan tulang belut dipangkal leher. Namun begitu kaum lelaki di Pantai Timur lebih gemar memakai baju Melayu bercekkak musang yang berkancing lima terutamanya jika ia diperbuat dari kain songket. Plat 40 menunjukkan pola rupa betuk baju Melayu yang lengkap.

3.3.2.3.2 Baju Mengan

Baju mengan merupakan pakaian luar paling popular bagi kerabat diraja Kelantan yang kebanyakannya diperbuat dari kain songket. Malah ia juga terkenal di kalangan pembesar-pembesar Kelaantan di awal abad ke 20 sebagai pakaian lengkap dan racmi yang dipakai khusus dalam adat istiadat recmi. Baju mengan dibuat lebih labuh dan berkolar tinggi dengan sebutir butang di bahagian kolar tersebut seperti dalam plat 41. Ianya dipakai dengan baju Melayu di dalam dan berseluar panjang, dipadankan dengan bengkung di sebelah dalam baju mangan serta melengkapannya dengan dengan tengkolok yang dipanggil sut lima. Manakala bagi golongan bawahan, baju ini diperbuat dari dari benang kapas satu warna dan dihiasi dengan sulaman dibahagian dada, hujung lengan serta bahagian kolar.

Pola baju mengan agak berbeza sedikit dengan baju sikap, baju maskat. Pola bajunya lebih labuh sehingga ke paras punggung berlengan panjang, belahnya dihadapan dengan berpesak. Berbentuk lurus serta longgar yang terdiri dari cantuman panel-panel empat persegi tepat dan tiga segi. Kadang-kadang dikeruk sedikit di bahagian pinggang dan berbelah ditepi. Kebanyakannya baju yang diperbuat dari kain songket diletakkan kain alas di bahagian dalam dengan kain tenun biasa pada keseluruhan baju dengan jahitan tangan. Manakala di bahagian bukaan depan dikemaskan dengan hiasan benang yang dijalin khas dan ada juga dijahit tulang belut. Benang yang digunakan untuk hiasan ini bergantung pada jenis kain baju tersebut. Andainya kain tenun biasa digunakan untuk baju tersebut, maka benang hiasnya terdiri dari pintalan benang biasa dan sebaliknya jika baju tersebut dari kain songket, maka benang hiasnya adalah terdiri dari benang emas.

3.3.2.3.3 Baju Luar (jaket, baju azimat)

Baju jenis ini biasanya dipakai oleh kerabat diraja sahaja khususnya anak-anak raja. Baju ini dipakai sebelah luar dan dipakai dengan seluar. Reka bentuknya ringkas, hanya berkollar tetapi tidak berlengan. Pola bajunya berpanel-panel dan singkat hanya paras pinggang sahaja. Biasanya terdapat hiasan sulaman yang padat mengikut kesesuaian fabrik. Terdapat dua poket berbentuk bulat yang terletak dikiri kanan baju dan mempunyai pesak kecil di bukaan hadapan seperti dalam plat 42a. Keseluruhan bajunya dipasang alas dari kain kapas yang lembut. Manakala hanya Sultan yang memakai jaket bertulis kaligrafi Islam seperti dalam plat 42b.

3.3.2.3.4 Seluar

Pada masa dahulu, pada mulanya seluar hanya dipakai oleh kaum lelaki khususnya bagi golongan istana dan golongan berada yang kemudiannya merebak kepada rakyat biasa. Terdapat tiga jenis seluar yang dipakai pada masa dahulu iaitu seluar pendek, seluar paras betis dan seluar panjang. Seluar pendek kebanyakannya dipakai oleh anak-anak raja semasa bersantai di rumah. Labuhnya sehingga paras lutut, besar dan longgar. Rangka polanya terdiri dari cantuman lapan panel berbentuk geometrik dengan bukaan kaki dan pinggannya sangat lebar seperti dalam plat 43a. Kebanyakan seluar jenis ini diperbuat dari kain songket dengan motifnya yang lebat dibahagian kaki seluar serta di sekeliling koceknya. Menggunakan kain alas dari kain kapas untuk keselesaan dan dipakai secara ikat menggunakan tali cerut atau lipat.

Seluar yang paling popular di Pantai Timur pada masa dahulu ialah seluar Aceh yang panjangnya hingga paras betis (lihat plat 43b). Reka bentuknya berpanel sama dengan seluar pendek tetapi ia lebih labuh dan diperbuat dari berbagai jenis kain tenun terutamanya kain Acheh rusak, tenunan biasa serta bersongket, dihiasi dengan bergerus, bertelepuk atau bersulam. Di Kelantan seluar ini dikenali dengan seluar Pak Sekerap dan sering dipakai bersama baju Melayu ketika keluar dari rumah atau ke majlis-majlis tertentu. Reka bentuknya labuh ke paras betis, lebar, berpesak, bertongkah dan dipakai secara lipat, digulung bahagian pinggangnya (dikilas) atau dicerut dengan tali. Reka bentuknya yang longgar membolehkan pemakainya bergerak dan melangkah dengan mudah sebagaimana yang digunakan oleh hulubalang-hulubalang Melayu dan ahli silat.

Manakala seluar panjang atau seluar panjut biasanya dipakai oleh raja, anak-anak raja serta pembesar sahaja. Dipakai secara sedondong dengan baju Melayu, bersampin, setangan dan berbengkung. Reka bentuknya ringkas, berpanel seperti seluar Aceh dan ada juga yang dikerutkan sedikit bahagian kelengkang tanpa menggunakan pesak seperti seluar Cina. Diperbuat dari kain songket atau sutera dengan motifnya yang padat dibahagian hujung kaki, bertongkah, dengan kain kapas dengan cara pemakaianya sama dengan seluar Aceh. Polanya menirus kebawah dengan bukaan disebelah tepi (menggunakan butang). Jika ianya dari kain tenunan kosong, biasanya di hujung seluar akan dipenuhi dengan sulaman emas dan perak seperti dalam plat 43c.



Plat 40 Rupa Bentuk Baju Melayu



Plat 41 Rupa Bentuk Baju Mengan



Plat 42a Rupa Bentuk Baju Luar/Jaket Anak Raja



Plat 42b Rupa Bentuk Baju
Luar Sultan Bertulis Ayat



Plat 43a Rupa Bentuk Seluar Pendek



Plat 43b Rupa Bentuk Seluar Aceh



Plat 43c Rupa Bentuk Seluar Panjang

3.3.2.4 Persalinan Perempuan

3.3.2.4.1 Baju Kurung Pendek atau Baju Longgar

Baju ini juga dikenali dengan baju 'lega' di Pantai Timur dan baju sekerat (Kedah). Baju lega ini mempunyai reka bentuk yang sederhana, ringkas, pendek dan longgar menjadikannya lebih selesa dan praktikal semasa membuat kerja (lihat plat 44). Ianya dipercayai pengaruh dari baju wanita di Selatan Thai yang lehernya berbentuk bujur sireh. Baju ini dipakai oleh rakyat biasa sebagai pakaian harian mereka. Pola bajunya yang kecil dan pendek ini amat sesuai untuk kegunaan wanita di rumah ataupun dipakai oleh kelompok masyarakat kecil khususnya di kalangan lelaki nelayan dan petani (Siti Zainon, 1991). Diperbuat dari kain kapas dan selalunya satu warna; putih, kelabu ataupun mungkin bercorak sederhana. Pola reka bentuknya empat segi dengan poket di bahagian kiri hadapan dan kadang kala mempunyai kekek dibawah lengan. Tebuk lehernya bulat sebagaimana baju Melayu cuma lapik lehernya lebih lebar dan tidak dikemaskan dengan jahitan tulang belut. Siluetnya longgar dan lurus hingga kebawah iaitu labuhnya hingga keparas punggong sahaja. Baju ini terdiri dari tiga panel sahaja (kadang-kadang mempunyai kekek). Antara panel-panel tersebut adalah badan yang dipotong lurus dan dikeruk sedikit di bawah lengan. Terdapat dua keping tangan dengan buaan yang luas serta longgar sepanjang tiga perempat lengan atau kadang-kadang lebih panjang dari itu. Dipakai secara sarung dan biasanya dikenakan dengan kain sarung batik atau limar dengan lipatan tindih kasih.

Kaedah membuatnya adalah sama dengan dengan cara membuat pola baju kedah. Biasanya wanita dewasa memerlukan sebanyak satu setengah ela kain yang berukuran 36 inci lebar. Ukuran yang perlu diambil ialah ukur lilit sekeliling punggung, kemudiaanya dibahagi dua serta dicampur dua atau tiga inci kelonggaran (*ease*). Seterusnya kain tersebut dilipat dua dan dipotong pola badan terlebih dahulu, lurus mengikut era kain (*straight grain*) dan dikerukkan sedikit dibawah ketiak lebih kurang satu inci. Lengan bajunya lebar dan sambungannya kepada badan baju. Dari tepi kain diambil pelapik leher sama seperti baju Melayu lelaki serta poket.

3.3.2.4.2 Baju Kurung Labuh

Baju kurung labuh mempunyai keistimewaan tersendiri di mana ia mampu bertahan sehingga kini. Baju kurung yang dipakai di Kelantan adalah pada asasnya mempunyai persamaan dari segi reka bentuknya dengan negeri-negeri lain khususnya baju kurung Johor. Namun begitu ada sedikit perbezaan di mana baju kurung mempunyai hiasan poket di bahagian hadapan, pesaknya tidak terlalu kembang dan juga di hujung tangannya lebih sempit. Baju kurung menjadi pakaian formal di Kelantan khususnya apabila berlakunya penguatkuasaan larangan berkemban arahan Tengku Long Jaafar di masa pemerintahannya. Sehubungan dengan itu ianya menjadi pakaian yang lebih digemari ramai berbanding dengan baju kurung longgar dan pendek dan selalu dipakai di majlis-majlis rasmi.

Reka bentuk baju kurung ini dipercayai adaptasi dari baju yang dipakai oleh pedagang-pedagang Islam yang berdagang di Tanah Melayu di zaman Kesultanan Melaka lagi. Potongannya adalah menyamai potongan baju yang dipakai oleh orang-orang Pakistan, Bangladesh, Turki dan juga negara-negara Islam yang lain iaitu Turkistan serta Parsi.

Siluetnya agak longgar dan lurus serta semakin mengembang ke bawah. Reka bentuknya terdiri dari panel-panel yang terdapat dalam bentuk segiempat tepat dan tebuk dibahagian leher sebagai bukan. Terdapat sembilan panel (depan dan belakang) beserta satu poket yang ditampal di bahagian rusuk kiri hadapan baju. Panel-panel tersebut adalah: bahagian badan (satu keping yang dilipat di bahagian bahu), pesak sebanyak empat keping, kekek dua keping dan tangan dua keping. Bahagian lehernya ditebuk bulat dan dibelah di tengah hadapan sepanjang lebih kurang sepuloh hingga 12 sm. Ada pun fungsi belahan ini adalah untuk membolehkan baju itu dipakai (muat untuk menyarungkan kepala), belahan ini kemudian ditutup dengan sebutir kancing dibahagian atas belahan. Di sepanjang bukaan leher ini dijahit pelapik dan dikemaskan dengan tikam ‘tulang belut’ seperti mana baju Melayu lelaki. Bahagian lengannya labuh dan semakin menyempit di hujung lengan. Biasanya baju kurung dibuat adalah lebih besar atau mempunyai kelonggaran yang lebih menyebabkannya kelihatan bahagian bahunya jatuh ke bahagian lengan (*drop shoulder*). Baju kurung ini pada keseluruhannya adalah dijahit tangan dan dikemaskan dengan jahitan tulang belut di bahagian leher yang berfungsi sebagai hiasan dan juga untuk menguatkan bukaan leher tersebut. Antara jenis-jenis jahitan yang biasa digunakan ialah jahitan kia untuk

mencantumkan panel-panel baju tersebut yang kemudian ditambah dengan jahitan sembat bagi menjaga basi kain agar kemas dan tidak terbarai atau kadang-kadang digunakan jahit bungkus.


Kebiasaanya baju kurung ini dipakai sedondon atau pun berlainan corak antara baju dan kain. Jika sedondong kain dan bajunya terdiri dari fabrik warna serta corak motif yang sama. Rakyat biasa bila keluar rumah atau menghadiri majlis mengenakanya baju kurung sedondon dari kain kosong satu warna sahaja atau pun mungkin bercorak petak-petak. Namun begitu ada juga memakai baju yang berlainan sarungnya samada baju dari kain kapas biasa dan dikenakan dengan kain batik sarung, kain Bugis, pelikat, limar ataupun mastuli. Manakala bagi golongan wanita-wanita istana memakai baju kurung sutera bercorak ataupun songket sedondon, mahupun sebaliknya dan kadangkala baju itu dipakai dengan kain batik pelangi. Malahan jika ada majlis rasmi mereka memakai baju kurung sedondon dari kain songket sutera samada corak bunga penuh ataupun bertabur bergantung pada kedudukan mereka dalam istana. Baju kurung dipakai dengan kain sarung yang diikat secara ombak mengalun atau tindih kasih. Rupa bentuk baju kurung ditunjukkan dalam plat 45.

3.3.2.4.3 Baju Kurung Cekak Musang


Di zaman dahulu, Baju kurung cekak musang adalah merupakan pakaian formal golongan di raja dan juga dijadikan pakaian pengantin perempuan (Azah Aziz, 1976). Oleh kerana ia adalah pakaian formal,

maka reka bentuknya didapati lebih longgar serta labuh dan dibuat dari fabrik-fabrik tertentu sahaja. Keseluruhan baju kurung cekak musang adalah sama dengan baju kurung teluk belanga kecuali di bahagian lehernya berkolar (berania). Kolarinya lebih kurang sama dengan samfu Cina tetapi pada bahagian hujungnya betindan, berkolar tegak setinggi lebih kurang 3 sm atau kadang-kadang hanya sejari lebar dengan satu butir kancing (perbezaan kolar ini ditunjukkan dalam ilustrasi 6). Belahan depan yang dipasang peleket (berlidah). Di bahagian peleket ditebuk lubang butang untuk dipakai kancing. Biasanya pada bahagian kolar dipasang dua butir kancing dan tiga atau tujuh butir di peleket. Mengikut tradisi baju ini diperbuat dari kain baldu dan dipakai dengan kain sarung songket penuh, namun bagi wanita Pantai Timur lebih gemar menggunakan kain tenun sutera atau songket sedondon. Baju ini dipakai dengan sarung songket ikatan ombak mengalun, kepala kain diletakkan di bahagian belakang manakala bagi pengantin ikatan ombak-ombak ini diletakkan di kedua-dua belah kiri dan kanan dengan kepala kain diletakkan di hadapan bagi menambahkan seri pengantin masa persandingan.


Ilustrasi 6 Kolar Baju Kurung Cekak Musang



Kolar Potongan Cheong-Sam China



Kolar Pakaian Tradisional Thai



Potongan Sebenar Kolar Cekak Musang iaitu Leher Bertutup

Rapat dengan Dua Kancing Kecil.

3.3.2.4.4 Kebaya Labuh

Perkataan kebaya dipercayai berasal dari perkataan Arab iaitu ‘Habaya’ yang bermaksud pakaian labuh dan berbelah di hadapan. Ada juga teori yang mengatakan bahawa ia menyerupai baju wanita Portugis yang dibawa masuk ke Melaka, kemudiaannya digemari oleh wanita-wanita Melayu dan juga wanita keturunan China. Kebaya labuh atau juga dipanggil baju belah merupakan pakaian wanita yang tertua dan dipakai oleh semua golongan kerana mempunyai ianya lebih selesa dipakai dan lebih praktikal. Sepanjang zaman tidak mengalami banyak perubahan kecuali dari segi labuhnya dimana telah dipendekkan namun tidak melepas paras punggung. Kebaya labuh di Pantai Timur adalah mempunyai persamaan dengan kebaya labuh dari negeri-negeri lain di Tanah Melayu terutamanya dari segi reka bentuk, fabrik yang digunakan, warna dan cara pakai. Dari segi reka bentuknya pada asalnya adalah menyerupai bentuk kebaya yang dipakai oleh orang-orang Melayu di Sumatra yang mana sejarah telah membuktikan adanya perhubungan rapat antara kedua-dua negara ini. Reka bentuk kebaya adalah merupakan perkembangan pola baju panjang (yang tertua dan lebih awal dari baju kebaya) yang terdiri dari enam potongan ataupun panel. Polanya lebih sederhana yang mengandungi unsur-unsur pakaian orang-orang muslim di India, Pakistan, dan Bangladesh (Judi Achadi, 1976) dan mempunyai ciri-ciri kimono Jepun. Logan (1849), menamakannya sebagai baju ‘Jipung’ :

‘The baju jipun is generally made of chintz and is open in front’.

(hlm 281)

Kebaya amat sesuai dipakai di rumah sebagai pakaian harian, terutamanya dari kain kapas samada sedondon ataupun sebaliknya, dipakai dengan sarung bugis, batik, limar atau tenun biasa. Namun begitu bagi wanita istana memakainya dari kain sutera atau limar. Kebaya songket biasanya dipakai pada hari-hari kebesaran tertentu atau sebagai pakaian pengantin. Mengikut Zubaidah Shawal (ibid), kebaya juga lebih digemari oleh ibu-ibu mengandung kerana ia lebih praktikal, terutamanya bagi yang menyusu anak, serta ibu-ibu yang mengandung.

Sebagaimana namanya, pakaian ini biasanya labuh sampai ke lutut ataupun lebih lagi dengan bahagian depannya belah sampai kebawah. Pada zaman dulu ianya dipotong lurus, berpesak di depan dan berkekek di bawah lengannya. Pola dasar kebaya panjang ini tidak bayak bezanya dengan baju kurung cuma ianya berbelah dan berpesak di hadapan. Di Pantai Timur bentuknya lebih singkat dan dikeruk sedikit di bahagian pinggang serta diletakkan satu poket di kiri hadapan. Namun peredaran masa telah mempamirkan berbagai variasi kebaya yang telah banyak berubah dari pola asalnya.

Baju kebaya dipakai dengan menutup atau menindih pesak kiri dan kanan kemudian disematkan dengan kerongsang. Kerongsang ibu disematkan hampir pada leher dan tidak menampakkan dada diikuti dengan dua kerongsang anak. Baju kebaya digemari oleh wanita bangsawan kerana dapat menunjukkan kekayaan mereka dengan menggunakan fabrik yang mahal-

mahal serta kerongsang diperbuat dari emas yang mahal serta bernilai sebagaimana yang dinyatakan oleh Logan, (1849) :

'It is occasionally three brooches, krosang, in the form and material of which the wearers shew their wealt and taste'.

(hlm 281)

Baju kebaya dipakai dengan sarung secara tindih kasih dengan kepala kain diletakkan di bahagian hadapan seperti dalam plat 46a. Baju kebaya dapat bertahan hingga ke hari ini kerana ia mempunyai ciri-ciri kesopanan disamping potongannya yang sederhana dan lebih selesa dipakai serta sesuai dengan kehendak budaya masyarakat Melayu. Keindahannya digurindamkan oleh Tenas Effendi (1989), :

Tabur-bertabur seluruh badan

Jalin-jalin sulaman tangan

Kalau belah mahu ditutup

Terpasang kronsang sebelah atas

Kronsang bersusun sampai pusat

Bertali-tali semat-menyemat

Patut pakai tua muda

Tidak terbatas tempat bertandang

Elok ke tengah

Patut ke tepi.

(hlm 7)

3.3.2.4.5 Kebaya Pendek

Kebaya pendek merupakan baju belah depan sehingga ke paras punggung seperti dalam plat 46b. Pola reka bentuknya hampir mempunyai persamaan dengan Wilayah Budaya Melayu yang lain. Pola lengannya besar, lurus, berkekek dan berpesak di depan. Kebanyakkan kebaya yang dipakai oleh wanita istana adalah dari kain songket yang dipakai secara sedondon. Manakala rakyat biasa memakai kebaya yang diperbuat dari kain kapas atau tenunan biasa yang dipakai dengan kain sarung tenun ataupun dengan kain batik. Kemudian timbul pula sejenis kebaya moden selepas penjajahan Barat yang dikenali dengan kebaya Kota Baru.

3.3.2.4.6 Baju Riau Pahang

Baju Riau Pahang merupakan pakaian formal yang indah serta menjadi pakaian diraja pada zaman dahulu khususnya di Terengganu, Pahang dan Johor Riau. Di Terengganu ianya lebih terkenal dengan nama kebaya Turki (lihat plat 47) yang cuma berbeza dari segi kolarnya sahaja. Baju ini dipercayai dicipta oleh Tengku Ampuan Siti Mariam, iaitu Puteri Sultan Pahang yang pertama (Sultan Ahmad Muazzam Shah) yang kemudiannya berkahwin dengan Sultan Terengganu, iaitu Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (Zubaidah Shawal, ibid). Pola baju ini memperlihatkan ciri-ciri kesamaan dengan pola dasar baju belah atau dikenali dengan baju gunting sembilan yang dipakai oleh Engku Puteri, iaitu Puteri kepada Raja Ali Haji yang berketurunan Bugis (Siti Zainon, ibid) yang kemudiannya terus berkembang di Pahang dan Terengganu. Dalam

ungkapan Tenas Effendy merujuk kepada pola baju Riau atau baju (kebaya panjang) gunting sembilan yang merupakan salah satu pola pakaian Melayu:

Gunting bernama gunting sembilan

Belah terbuka sampai kebawah

Dalam acap-acap betis

Dalam tidak menyemakkan

Pendek tidak menyesakkan

Kalau berenda sebelah muka

Berenda pula kaki bajunya

Renda keliling lingkar-melingkar

(hlm 7)

Semasa baju ini dicipta, reka bentuknya tidak memperlihatkan adanya pengaruh fesyen pakaian dari luar khususnya dari barat. Oleh yang demikian reka bentuknya didapati masih terikat dengan tatasusila serta adat budaya berpakaian Melayu yang mengekalkan ciri-ciri kesopanan dan menutup aurat.

Reka bentuknya agak rumit sedikit jika dibandingkan dengan baju traditional yang lain. Baju ini berbelah di hadapan terus hingga ke kaki baju, mempamerkan gabungan antara baju kurung cekak musang dengan baju kebaya labuh. Badannya menirus di bahagian bawah depan dan belakang dan berkemban di bahagian pesak. Labuhnya hingga keparas bawah lutut dengan lengan yang lurus dan lebar seperti baju kurung dengan berkekek gantung seperti dalam plat 48. Oleh kerana pakaian ini merupakan pakaian diraja maka kancingnya

berjumlah lima ataupun sembilan (dalam budaya Melayu bilangan butang yang berangka ganjil adalah menunjukkan pemakainya berketurunan raja). Lubang butang ditindih dari kanan ke kiri dan dibiarkan terbuka dari paras pinggang ke bawah. Diperbuat dari kain songket sedondon dengan sarung ikat ombak mengalun. Mengikut Zubaidah Shawal (*ibid*), untuk sehelai bajunya sahaja memerlukan sebanyak 2.5 hingga ke tiga meter kain.



Plat 44 Baju Kurung Pendek



Plat 45 Baju Kurung Labuh



Plat 46a Baju Kebaya Labuh



Plat 46b Baju Kebaya Pendek



Plat 47 Baju Turki



Plat 48 Baju Riau Pahang

3.4 Kesimpulan

Pantai Timur merupakan bekas jajahan takluk Kerajaan Sriwijaya dan Siam sebelum kedatangan Islam. Pengaruh Budha-Hinduisma yang dibawa bersama meninggalkan kesan dalam kehidupan sehari-hari khususnya cara berpakaian dan menghiasi diri. Cara pemakaiannya amat ringkas dengan hanya menggunakan beberapa keping kain yang tidak berjahit dililit, diikat dan dikilas pada badan. Kedatangan Islam ke Pantai Timur menjadikan gaya pemakaian lebih sempurna dan lebih lengkap dengan berbagai kombinasi kain samada kekal dalam bentuk kepingan atau dipotong menjadi baju dan seluar. Cara pakainya yang ringkas seperti ikat, cerut dan kilas berubah menjadi lebih menarik dengan berbutang, berkancing serta diserikan dengan berbagai jenis ragam hias. Namun demikian di sesetengah tempat di Pantai Timur berkemban masih lagi didapati hingga ke hari ini.

Persalinan yang lebih lengkap ini digayakan oleh masyarakat Melayu Pantai Timur dari semua golongan samada dari peringkat atasan mahupun rakyat jelata. Namun pakaian lengkap yang terdiri dari lima persalinan bagi kaum lelaki dan tiga persalinan bagi kaum perempuan ini mempunyai beberapa perbezaan diantara golongan atasan dengan golongan bawahan ini. Antaranya ialah jenis kain yang digunakan, warna, motif, ragam hias serta cara pakai (bentuk gubahan). Meski pun terdapat perbezaan, kaum lelaki sentiasa berpakaian lengkap apabila keluar rumah samada untuk bekerja, bermain atau memakai pakaian yang lebih elok ketika menghadiri majlis rasmi.

Dari aspek reka bentuknya, kostum tradisional Pantai Timur ini mempunyai ciri-cirinya tersendiri di mana ia amat besar, longgar, labuh dan berpanel-panel. Siluetnya samada lurus atau dikembangkan dengan menggunakan pesak dan kekek bagi memudahkan pergerakan. Keseluruhan panelnya berbentuk geometric samada ia berjahit ataupun tidak manakala kain selendang, kain panjang sembilan dipakai dalam bentuk asal tanpa merosakkannya. Pola bentuk kostum yang tidak berjahit ini walaupun berbentuk ringkas tetapi mempunyai banyak kegunaan malah boleh dipakai dengan berbagai gaya. Kegunaanya bukan sahaja terhad pada seorang tapi boleh dikongsi bersama serta mempunyai fungsi lain selain dari untuk dipakai seperti sebagai peralatan harian, peralatan adat dan hantaran.

Nota

⁵ Encik Abdullah adalah seorang Penyelia Muzium Islam Kelantan. Temubual diadakan bersama beliau pada 10 hb jun 1999.

⁶ Encik Echom merupakan seorang ketua sebuah kumpulan menora berketurunan Siam yang tinggal di Tumpat, Kelantan. Temubual bersama beliau diadakan pada 20 hb Jun 1999.

⁷ Encik Abdullah, ibid ⁵

⁸ Encik Ayob atau nama sebenarnya Abu Starim Yaacob merupakan penyelia Muzium Negeri Kelantan yang terletak di Jln. Hospital, 50000 Kota Bharu, Kelantan. Beliau telah ditemubual pada 9 hb Jun 1999.